



PERBENDAHARAAN MALAYSIA

## CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

### PANDUAN PERMOHONAN EJEN CUKAI GST

Di Bawah Akta Cukai Barang dan  
Perkhidmatan 2014

**TARIKH KEMASKINI :**

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	22.3.2016	
2.	22.7.2016	
3.	8.11.2016	Pindaan nombor telefon untuk dihubungi di perenggan 9.1(b).
4.		
5.		
6.		

**JADUAL KANDUNGAN**

<b>1.0 PENDAHULUAN.....</b>	i
<b>2.0 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN EJEN CUKAI GST .....</b>	1
2.1 Orang Perseorangan.....	1 -2
2.2 Pegawai JKDM.....	3
<b>3.0 TATACARA PERMOHONAN BARU EJEN CUKAI GST .....</b>	3
<b>4.0 TEMPOH KELULUSAN .....</b>	4
<b>5.0 PENAMATAN ATAU PEMBATALAN KELULUSAN .....</b>	4
<b>6.0 PERMOHONAN PEMBAHARUAN EJEN CUKAI .....</b>	4
6.1 Syarat-syarat Pembaharuan.....	4
6.2 Tatacara Permohonan Pembaharuan .....	4-5
<b>7.0 RAYUAN .....</b>	5-6
<b>8.0 TEMPOH PERALIHAN .....</b>	6
<b>9.0 MAKLUMAT LANJUT .....</b>	6
<b>Lampiran A : KELAYAKAN AKADEMIK.....</b>	vii
<b>Lampiran B : PERSATUAN YANG DIIKTIRAF .....</b>	ix
<b>Lampiran C : PENENTUAN MATA CPD / CPE.....</b>	x
<b>Lampiran D : KOD ETIKA EJEN CUKAI .....</b>	xi

## 1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Panduan ini disediakan untuk membantu individu memahami tentang prosedur permohonan menjadi ejen cukai GST, pembaharuan ejen cukai GST, syarat kelayakan dan menjelaskan tugas dan tanggungjawab ejen cukai GST.
- 1.2 Ejen cukai GST ialah mana-mana akauntan profesional atau mana-mana orang lain yang dibenarkan oleh Menteri untuk bertindak di Malaysia bagi pihak mana-mana orang bagi apa-apa perkara di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

## 2.0 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN EJEN CUKAI GST

### 2.1 Orang Perseorangan

Pemohon hendaklah merupakan seorang individu dan bermastautin di Malaysia serta mempunyai kelayakan berikut:

#### (a) Kelayakan Akademik

- (i) Mempunyai kelulusan akademik seperti di Jadual Pertama Bahagian I, Akta Akauntan 1967 di **Lampiran A**; atau
- (ii) Mempunyai kelulusan profesional atau ijazah pertama dalam bidang kewangan, perniagaan dan ekonomi daripada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; **dan**

#### (b) Keahlian Badan Profesional

Menjadi ahli penuh kepada:

- (i) Mana-mana persatuan akauntan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia seperti di bawah Jadual Pertama Bahagian II, Akta Akauntan 1967 di **Lampiran B**; atau
- (ii) Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (M.A.T.A), Institut Percukaian Malaysia (C.T.I.M), Institut Akauntan Malaysia (M.I.A), *Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators* (MAICSA) atau *Malaysia Association of Company Secretaries* (MACS); **dan**

**NOTA :** *Bagi mana-mana individu yang tidak mempunyai kelayakan seperti di 2.1(a), adalah wajib mempunyai keahlian seperti di 2.1(b). Bagi keahlian MACS, syarat tambahan yang dikenakan adalah mempunyai kelulusan profesional atau ijazah pertama dalam bidang perakaunan, kewangan, perniagaan dan ekonomi daripada Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.*

(c) **Kehadiran Kursus Khas GST**

Pemohon diwajibkan menghadiri kursus Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) anjuran Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) atau anjuran bersama JKDM dengan MATA, CTIM atau MIA. Jumlah masa kursus yang perlu dihadiri adalah tidak kurang dari 36 jam atau tidak kurang dari 6 hari berkursus ; dan

(c) **Peperiksaan Kursus GST**

Pemohon dikehendakki **lulus** peperiksaan kursus GST yang dikendalikan sepenuhnya oleh JKDM ; dan

(d) **Pengalaman (Tertakluk kepada pengecualian)**

- (i) Lima (5) tahun pengalaman praktikal secara berterusan (selepas mempunyai kelulusan akademik seperti di para 2.1a) dalam bidang GST dengan Kerajaan atau swasta; **atau**
- (ii) Lima (5) tahun pengalaman praktikal secara berterusan (selepas menjadi ahli persatuan seperti di para 2.1b) dalam bidang GST dengan Kerajaan atau swasta; **atau**
- (iii) Bagi ahli akademik, lima (5) tahun pengalaman mengajar secara berterusan dalam bidang GST di peringkat diploma dan ke atas, di mana- mana Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

**Pengecualian** kepada keperluan pengalaman ini boleh dirujuk pada tajuk **TEMPOH PERALIHAN** di para 8.1 muka surat 5.

## 2.2 Pegawai JKDM

Pegawai JKDM yang ingin memohon untuk menjadi ejen cukai GST hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:-

- (a) Tidak lagi berkhidmat sebagai penjawat awam;
- (b) Pernah berkhidmat dengan JKDM selama 15 tahun dan mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam bidang GST;
- (c) Menjawat sekurang-kurangnya jawatan Pengguna Kastam Gred W41 dan ke atas semasa dalam tempoh perkhidmatan; dan
- (d) Hendaklah lulus dalam peperiksaan kursus Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) anjuran Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

## 3.0 TATACARA PERMOHONAN BARU EJEN CUKAI GST

- 3.1. Pemohon boleh mengemukakan permohonan untuk kelulusan ejen cukai GST kepada Bahagian Cukai (BC), Kementerian Kewangan Malaysia secara *online* di Sistem Ejendukai GST di <https://mycukai.treasury.gov.my>.
- 3.2. Permohonan hendaklah disertakan dengan bayaran fi permohonan sebanyak RM200.00 yang boleh dibayar melalui perkhidmatan perbankan internet samada menggunakan kad kredit ataupun debit terus melalui FPX.
- 3.3 Dokumen sokongan seperti berikut hendaklah dimuat naik semasa membuat permohonan:-
  - (a) Gambar berwarna terkini pemohon berukuran passport (3.5 x 5.0 cm)
  - (b) Salinan sijil-sijil kelayakan akademik dan profesional (sijil berkenaan hendaklah diimbas berwarna)
  - (c) Salinan sijil-sijil kursus atau seminar GST yang dihadiri (sijil berkenaan hendaklah diimbas berwarna) dan
  - (d) Senarai pelanggan (**sekiranya ada**) yang berkaitan dengan GST yang akan dikendalikan dalam tempoh satu (1) tahun terkini.

#### 4.0 TEMPOH KELULUSAN

4.1. Tempoh kelulusan ejen cukai adalah sah untuk tempoh minima dua (2) tahun bermula dari tarikh kelulusan tersebut.

#### 5.0 PENAMATAN ATAU PEMBATALAN KELULUSAN

5.1 Kelulusan ejen cukai GST boleh dibatalkan jika:

- (a) Ejen cukai GST sendiri memohon untuk pembatalan
- (b) Tempoh kelulusan ejen cukai GST telah tamat
- (c) Ejen cukai GST tersebut bankrap atau tidak berkeupayaan atau meninggal dunia
- (d) Demi kepentingan dan perlindungan hasil negara
- (e) Ejen cukai GST memberikan maklumat palsu, mengelirukan atau tidak tepat dan
- (f) Ejen cukai GST tidak mematuhi kod etika ejen cukai GST yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran D**.

#### 6.0 PERMOHONAN PEMBAHARUAN EJEN CUKAI (Selepas tamat tempoh kelulusan selama 2 tahun)

##### 6.1 Syarat-syarat Pembaharuan

- (a) Permohonan pembaharuan ejen cukai GST hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
  - (i) Ejen cukai GST hendaklah menghadiri persidangan, seminar atau bengkel percukaian GST terkini anjuran JKDM sepenuhnya atau anjuran bersama dengan MATA, CTIM atau MIA; dan
  - (ii) Memperolehi 60 mata CPD/CPE bagi tempoh dua (2) tahun kelulusan. Penentuan mata CPD/CPE adalah seperti di **Lampiran C**.

##### 6.2 Tatacara Permohonan Pembaharuan

- (a) Permohonan untuk membaharui kelulusan ejen cukai GST hendaklah dibuat kepada Bahagian Cukai, Kementerian

Kewangan Malaysia secara *online* di Sistem Ejen Cukai GST di <https://mycukai.treasury.gov.my>

- (b) Dokumen sokongan seperti berikut hendaklah dimuatnaik bersama semasa membuat permohonan:
- (i) Gambar berwarna terkini permohonan berukuran passport (3.5.x 5.0 cm);
  - (ii) Salinan sijil-sijil kursus atau seminar GST yang telah dihadiri (sijil berkenaan hendaklah diimbas berwarna);
  - (iii) Senarai sekurang-kurangnya 20 pelanggan yang berkaitan dengan GST yang dikendalikan bagi tempoh dua (2) tahun terkini; dan
  - (iv) Permohonan pembaharuan hendaklah disertakan bersama bayaran fi permohonan sebanyak RM200.00. Bayaran hanya boleh dibuat secara *online* samada melalui kad kredit atau debit terus melalui FPX;
- (c) Permohonan untuk pembaharuan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dalam tempoh empat (4) bulan sebelum tamat tempoh kelulusan ejen cukai GST.
- (d) Kelewatan mengemukakan permohonan pembaharuan dalam masa yang ditetapkan seperti di para (c) akan menyebabkan kelulusan berkenaan tidak dapat bersambung walaupun sehari selepas tarikh kelulusan tersebut tamat. Kelulusan yang telah tamat tempoh selama satu (1) tahun atau lebih, tidak layak untuk diperbaharui. Pemohon perlu membuat permohonan baru dan memenuhi syarat-syarat seperti di para 3, 5, 6 dan 7.
- (e) Tempoh kelulusan pembaharuan ejen cukai GST akan diberikan bagi suatu tempoh minima dua (2) tahun bermula dari tarikh kelulusan tersebut.

## 7.0 RAYUAN

7.1 Pemohon boleh membuat rayuan kepada Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan Malaysia dalam keadaan seperti berikut:

- (a) Permohonan ditolak;

- (b) Kelulusan yang dibatalkan atau ditarik balik.
- 7.2 Pemohon boleh membuat rayuan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh surat pemberitahuan keputusan seperti di para 7.1 dikeluarkan.
- 7.3 Pemohon yang tidak berjaya dalam rayuannya boleh membuat permohonan baru untuk menjadi ejen cukai GST. Permohonan baru ini boleh dibuat selepas (6) bulan dari tarikh surat pemberitahuan keputusan rayuan.

## 8.0 TEMPOH PERALIHAN

- 8.1 Semasa tempoh peralihan ke arah tarikh pelaksanaan GST, seseorang boleh memohon untuk menjadi ejen cukai GST untuk tujuan GST dengan syarat bahawa pemohon telah memenuhi keperluan di bawah perenggan 2.1 dan 2.2. Dalam tempoh ini, keperluan pengalaman disubperenggan 2.1(e) adalah dikecualikan. **Tempoh peralihan ini bermula daripada 1 April 2015 sehingga 31 Mac 2020.**
- 8.2 Permohonan baru boleh dikemukakan mulai **7 Julai 2014**.

## 9.0 MAKLUMAT LANJUT

- 9.1 Untuk maklumat lanjut mengenai permohonan ejen cukai GST, sila hubungi atau layari:

- (a) Laman web Perbendaharaan / GST Customs:  
<https://www.treasury.gov.my> / [www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my).
- (b) Bahagian Cukai, Perbendaharaan Malaysia  
Tel : 03-88824413/ 8881 / 8876/03-88906514  
Faks : 03- 88823893 / 03-88823894  
Emel : [mycukai\\_support@treasury.gov.my](mailto:mycukai_support@treasury.gov.my)
- (c) Bahagian Teknikal, Perbendaharaan Malaysia  
Tel : 03-88906514  
Faks : 03- 88823893 / 03-88823894  
Emel : [mycukai\\_support@treasury.gov.my](mailto:mycukai_support@treasury.gov.my)
- (d) Pusat Panggilan Kastam  
Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500  
Faks : 03-7806 7599  
Emel : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)

**Lampiran A**

**KELAYAKAN AKADEMIK**

**(JADUAL PERTAMA BAHAGIAN I, AKTA AKAUNTAN 1967)**

- (a) Peperiksaan akhir Universiti Malaya untuk Diploma Perakaunan (Diploma in Accounting) ;
- (b) Peperiksaan akhir Universiti Malaya untuk Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Degree of Bachelor of Accounting);
- (c) Peperiksaan akhir Universiti Kebangsaan Malaysia untuk Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) (Degree of Bachelor of Accounting (Honours));
- (d) Peperiksaan akhir Institut Teknologi MARA untuk Diploma Lanjutan Perakaunan (Advanced Diploma in Accountancy);
- (e) Peperiksaan akhir Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Degree of Bachelor of Accounting);
- (f) Peperiksaan akhir Universiti Utara Malaysia untuk Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) (Degree of Bachelor of Accounting (Honours));
- (g) Peperiksaan akhir Universiti Pertanian Malaysia untuk Ijazah Sarjana Muda Perakaunan(Kepujian) (Degree of Bachelor of Accounting (Honours));
- (h) Peperiksaan akhir Universiti Putra Malaysia untuk Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) (Degree of Bachelor of Accounting (Honours));
- (i) Peperiksaan akhir Universiti Islam Antarabangsa untuk Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) (Degree of Bachelor of Accounting (Honours));
- (j) Peperiksaan akhir Universiti Sains Malaysia untuk Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) (Degree of Bachelor of Accounting (Honours));
- (k) Peperiksaan akhir Universiti Utara Malaysia untuk Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian)(Teknologi Maklumat) yang program akademiknya bermula sebelum tahun akademik 2002/2003;
- (l) Peperiksaan akhir Universiti Tenaga Nasional untuk Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), yang program akademik pertamanya bermula dari tahun akademik 2002/2003;

- (m) Peperiksaan akhir Universiti Multimedia untuk Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), yang program akademik pertama bermula dari tahun akademik 2002/2003;
- (n) Peperiksaan akhir Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia untuk Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian);
- (o) Peperiksaan akhir Universiti Malaysia Sabah untuk Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian);
- (p) Peperiksaan akhir Universiti Industri Selangor untuk Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian);
- (q) Peperiksaan akhir Universiti Sultan Zainal Abidin untuk Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian);
- (r) Peperiksaan akhir Universiti Sains Islam Malaysia untuk Ijazah Sarjana Muda Perakauan (Kepujian); atau
- (s) Peperiksaan akhir Universiti Tunku Abdul Rahman untuk Ijazah Sarjana Muda Perakauan (Kepujian).

**Lampiran B**

**PERSATUAN YANG DIIKTIRAF**

**JADUAL PERTAMA BAHAGIAN II, AKTA AKAUNTAN 1967**

- (a) Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA);
- (b) Institute of Chartered Accountants of Scotland;
- (c) Institute of Chartered Accountants in England and Wales;
- (d) Institute of Chartered Accountants in Ireland;
- (e) Association of Chartered Certified Accountants (United Kingdom);
- (f) Institute of Chartered Accountants in Australia
- (g) CPA Australia (formerly known as Australian Society of Certified Practising Accountant);
- (g) New Zealand Institute of Chartered Accountants (formerly known as Institute of Chartered Accountants of New Zealand)
- (h) Canadian Institute of Chartered Accountants;
- (i) Institute of Chartered Accountants of India;
- (j) Chartered Institute of Management Accountants (United Kingdom).

**KELAYAKAN YANG DIIKTIRAF OLEH KERAJAAN SETARAF DENGAN IJAZAH AM/LULUS DARI UNIVERSITI TEMPATAN**

- (a) Association of International Accountants (AIA), U.K;
- (b) Institute of Chartered Secretaries and Administrators, U.K

**Lampiran C****PENENTUAN MATA *CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD) / CONTINUING PROFESSIONAL EDUCATION (CPE)***

<b>Bil.</b>	<b>Kriteria</b>	<b>Jumlah Mata CPD/CPE</b>
1.	Peserta seminar/bengkel dan lain-lain berkaitan percuakan GST anjuran JKDM, MOF, MATA, CTIM atau MIA.	1 jam CPD/CPE bersamaan 1 mata CPD/CPE
2.	Peserta seminar bajet tahunan terkini anjuran JKDM, MATA atau CTIM	10 mata
3.	Peserta Persidangan GST Kebangsaan anjuran JKDM bersama MATA / CTIM / MIA. Tempoh persidangan adalah dua(2) hari.	25 mata
4.	Pengerusi/ Penceramah/ Ahli Panel dalam seminar atau bengkel anjuran JKDM, MoF, MATA, CTIM atau MIA	Penceramah: 20 mata Ahli Panel : 10 mata Pengerusi : 5 mata
5.	Menulis artikel teknikal berhubung GST dalam jurnal rasmi yang dikeluarkan oleh CTIM, MIA, mana-mana akhbar, bulletin atau terbitan media cetak	20 mata

**Lampiran D****KOD ETIKA EJEN CUKAI**

1. Kod Etika Ejen cukai GST diperkenalkan bertujuan untuk mengujudkan kualiti perkhidmatan dan mempertingkatkan intergriti bagi perkhidmatan yang diberikan oleh semua ejen cukai GST.
2. Ejen cukai GST adalah tertakluk kepada kod etika yang ditetapkan berasaskan kepada prinsip-prinsip berkaitan dengan intergriti, akauntabiliti, kompetensi dan ketelusan.
3. Dalam menjalankan tugas mereka, ejen cukai GST hendaklah sepanjang masa mematuhi kod etika ejen cukai GST seperti berikut:
  - (a) Profesional dan berpengetahuan tinggi terhadap undang-undang berkaitan percukaian GST.
  - (b) Berintegriti, berbudi bahasa, bersopan santun, ikhlas, amanah dan telus dalam kerjanya dan sentiasa memberikan kerjasama sepenuhnya kepada orang berdaftar dan JKDM.
  - (c) Memberikan butir-butir dan maklumat yang betul dan tepat apabila membuat pengikraran dan memohon kelulusan.
  - (d) Sentiasa berkelakuan jujur semasa berurusan dengan JKDM dengan:
    - (i) tidak menyalahgunakan wang yang diamanahkan oleh orang berdaftar untuk tujuan pembayaran cukai. Bukti pembayaran cukai hendaklah diberikan kepada orang berdaftar untuk rujukan dan tujuan rekod.
    - (ii) mengelakkan diri daripada menggunakan maklumat yang diperolehi atau menggunakan kedudukan sebagai ejen cukai GST bagi tujuan untuk kepentingan diri dan keluarga.
    - (iii) memelihara kerahsiaan sesuatu maklumat dan memastikan supaya tidak berlaku kebocoran maklumat orang berdaftar yang diwakili kepada orang berdaftar lain.
  - (e) Memastikan semua penyata dan pengiraan cukai yang dikemukakan adalah lengkap, betul dan tepat.
  - (f) Menasihati orang berdaftar mengenai kewajipan dan tugas sebagai pembayar cukai dan mendidik orang berdaftar mengenai kepentingan

menyimpan rekod semua transaksi yang berkaitan tanggungannya untuk dikenakan GST dan keperluan untuk membuat peruntukan yang mencukupi bagi pembayaran cukai.

- (g) Memberitahu kepada JKDM dengan segera apabila telah berhenti menjadi ejen cukai GST/ wakil orang berdaftar.
4. Ejen cukai GST dilarang melakukan perkara-perkara seperti berikut:
- (a) Memberikan khidmat nasihat yang salah dan bekerjasama dengan orang berdaftar untuk mengurangkan amaun cukai yang sepatutnya kena bayar atau menuntut pulang balik cukai yang berlebihan.
  - (b) Melengahkan proses pembayaran cukai, membantu dalam penyiasatan audit kastam atau melepaskan tanggungjawab yang telah diamanahkan.
  - (c) bersubahat dengan mana-mana pihak untuk malakukan frod terhadap kerajaan
5. Ejen cukai GST yang bertindak secara tidak profesional yang bertentangan dengan kod etika dan membawa kepada pengelakan cukai dan frod, adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.